

# KAMPUCHEA: PERSETUJUAN DICAPAI

Oleh BUSTAMAM AHMAD  
dan ASARI IBRAHIM

SINGAPURA, Jumaat — Persetujuan bagi menubuhkan kerajaan campuran oleh tiga puak anti-Vietnam di Kampuchea akan ditandatangani di Kuala Lumpur minggu depan.

Para pemimpin ketiga-tiga puak tersebut telah bersetuju memilih Kuala Lumpur sebagai tempat perbincangan lanjut dan menandatangani perjanjian penubuhan kerajaan campuran itu.

Ini merupakan perkembangan positif ke arah penyelesaian politik di Kampuchea yang diperjuangkan oleh ASEAN selaras dengan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu.

Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie mengesahkan perkara itu dalam satu pertemuan khas dengan wartawan Malaysia di sini hari ini.

Katanya, beliau telah pun menerima maklumat mengenai persetujuan para pemimpin ketiga-tiga puak itu untuk datang ke Kuala Lumpur bagi membincangkan penubuhan kerajaan campuran

tersebut sebelum berlepas ke sini Ahad lalu bagi menghadiri Persidangan Para Menteri Luar ASEAN ke-15 yang berakhir semalam.

Tambahan pula, berikutan dengan itu beliau telah menghantar jemputan rasmi kepada ketiga-tiga pemimpin puak tersebut dan menerima jawapan semalam tentang persetujuan mereka ke Kuala Lumpur antara Ahad dan Selasa ini.

Mereka terdiri dari pemimpin puak Moulinaka yang juga bekas ketua negara itu, Putera Norodon Sihanouk, pemimpin puak Khmer Rouge, Encik Khiew Sam Phan dan bekas Perdana Menteri juga pemimpin Barisan Pembebasan Rakyat Kampuchea (KPNLS), Encik Son Sann.

Di bawah persetujuan yang bakal ditandatangani itu, Putera Sihanouk akan dilantik menjadi Presiden, Encik Khiew Sam Phan sebagai Timbalan Presiden, dan Encik Son Sann sebagai Perdana Menteri kerajaan campuran itu.

Berita Harian difahamkan struktur kerajaan campuran itu juga akan mengandungi empat jabatan iaitu Jabatan Pertahanan, Kewangan, Kesihatan dan Hal Ehwal Sosial serta Kebudayaan dan Pendidikan yang akan diwakili oleh ketiga-tiga pihak itu.

Persetujuan ketiga-tiga pemimpin itu untuk datang ke Kuala Lumpur tidak syak lagi akan melahirkan sebuah kerajaan campuran yang akan diisytiharkan penubuhannya di Kampuchea.

Perisytiharan itu akan dibuat di Kampuchea dan tidak di Kuala Lumpur kerana 'kerajaan itu bukan sebuah kerajaan buangan.'

Cadangan penubuhan kerajaan campuran itu disuarakan oleh pemimpin ketiga-tiga puak tersebut dalam satu pertemuan di Singapura, September tahun lalu.

Bagaimanapun, perbincangan lanjut ke arah penubuhannya menemui semacam 'jalan buntu' berikutan keengganan puak yang dipimpin oleh Encik Son Sann menerima syarat-syarat mengenai struktur kerajaan tersebut.

Berikutan kedinginan puak KPNLS, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir membayangkan ASEAN mungkin menarik balik sokongannya terhadap pengiktirafan Kerajaan

Demokratik Kampuchea (DK) sebagai wakil sah rakyat Kampuchea, di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Para pemerhati yakin persetujuan untuk menubuhkan kerajaan campuran itu dihasilkan dari lawatan Menteri Luar Thai, Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetsila ke Peking baru-baru ini.

Tan Sri Ghazali sendiri menghargai usaha Ketua Marsyal Udara Siddhi dan Menteri Luar Singapura, Encik S. Dhanabalan, khasnya serta para Menteri Luar ASEAN yang lain dalam menjayakan pertemuan di Kuala Lumpur nanti.

Para pemerhati juga berpendapat penubuhan kerajaan campuran itu akan dapat memberi sumbangan besar terhadap pengekal kerusi DK dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, September ini.

Pengesahan Tan Sri Ghazali ini juga sekaligus menafikan laporan sebuah agensi berita luar negeri bahawa ketiga-tiga pemimpin puak itu akan berunding di Kuala Lumpur pertengahan Ogos ini.